

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.12.2025 MASA: 2:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN TONG KITAR SEMULA
KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DI DUN BAGAN
JERMAL DAN DUN BAGAN DALAM**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**12 DISEMBER 2025 (JUMAAT)
10.45 PAGI**

**PERKARANGAN TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen**
ADUN Bagan Jermal
 - 2. Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan**
ADUN Bagan Dalam
 - 3. Yang Berusaha Encik Lay Hock Peng**
Pengawai Penyelaras Khas Ketua Menteri Pulau Pinang
 - 4. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai Mewakili
Datuk Bandar Seberang Perai
 - 5. Yang Dihormati Encik David Ng Yee Siang dan
Encik Benson Neoh Kah Wei**
Ahli Majlis MBSP Merangkap Penyelaras Bersama Program
Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah
 - 6. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai
 - 7. Yang Berusaha Encik Muhammad Rizal Bin Yusof**
Wakil Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara
 8. Yang Dihormati Guru-Guru
 9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian
-

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. **Alhamdulillah**, dengan limpah kurnia Allah S.W.T., kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh makna ini bagi **Majlis Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah-Sekolah di DUN Bagan Jermal dan DUN Bagan Dalam**; satu usaha penting untuk memupuk budaya kelestarian dalam kalangan generasi yang bakal mewarisi masa depan Seberang Perai.
2. Saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen, ADUN Bagan Jermal dan Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan, ADUN Bagan Dalam, atas kesudian hadir dan sokongan berterusan terhadap agenda MBSP. Kehadiran Yang Berhormat berdua menguatkan lagi iltizam kita untuk menjadikan Seberang Perai sebuah **bandar raya rendah karbon yang progresif dan mampan**.
3. Penghargaan juga ditujukan kepada para pentadbir sekolah, guru-guru pembimbing, para pelajar serta hadirin sekalian yang sentiasa memberi komitmen dalam menjayakan pendidikan kelestarian di sekolah.

4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) amat menghargai inisiatif dua orang Ahli Majlis, **Encik Ng Yee Siang** dan **Encik Benson Neoh Kah Wei**, yang telah mencetuskan usaha murni ini di kawasan DUN Bagan Jermal dan DUN Bagan Dalam.
5. Melalui sumbangan kedua-dua Ahli Majlis ini, **sebanyak 64 unit tong kitar semula** dapat disediakan untuk **16 buah sekolah**. Setiap sekolah menerima **satu set empat tong mengikut kategori** (kaca, kertas, aluminium dan e-waste) serta **dua unit jumbo beg** bagi memastikan pengurusan bahan kitar semula berjalan dengan lebih sistematik dan berkesan.
6. Program ini melibatkan **10 sekolah di DUN Bagan Jermal** dan **6 sekolah di DUN Bagan Dalam**, merangkumi sekolah rendah dan menengah. Penyertaan besar ini membuktikan kesediaan sekolah-sekolah untuk menyokong dasar **Pengasingan Sisa di Punca** secara menyeluruh.
7. Sepanjang tahun 2025, MBSP melaksanakan pelbagai program pendidikan alam sekitar termasuk anugerah kitar semula, sekolah hijau, *World Clean Up Day*, program TASKAL, program 3R, bengkel kebun bandar, bengkel *upcycle* serta pelbagai kolaborasi bersama komuniti dan rakan strategik. Semua ini memberi **impak besar kepada pembudayaan kelestarian** dalam kalangan warga sekolah.

8. MBSP turut menyediakan **insentif bulanan kitar semula** melalui kredit e-FT berdasarkan kutipan kaca, plastik, minyak masak terpakai dan kompos; sebagai pemangkin kepada ekosistem pendidikan yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.
9. Saya berharap sekolah-sekolah dapat memanfaatkan tong kitar semula ini sebagai **alat pendidikan**, membentuk minda murid agar amalan kitar semula menjadi **norma**, bukan sekadar aktiviti sampingan. Dalam masa yang sama, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha dan inisiatif MBSP dalam memperkukuh agenda kelestarian bandar demi generasi masa hadapan.
10. Masa depan Seberang Perai tidak hanya ditentukan oleh dasar atau projek kerajaan, tetapi oleh **nilai yang kita tanam dalam generasi hari ini**. Dengan kerjasama sekolah, guru, pelajar, komuniti dan Ahli Majlis, saya yakin kita mampu mencapai sasaran **pengurangan 70% sisa ke tapak pelupusan menjelang 2030**.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua sekolah penerima tong kitar semula. Semoga usaha kecil hari ini menjadi **lonjakan besar** ke arah menjadikan Seberang Perai sebuah **bandar raya rendah karbon yang mampan, progresif dan berdaya huni**.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***